

97 pelajar sertai seminar isu semasa pemasaran

SERAMAI 97 pelajar tahun akhir program Pemasaran Antarabangsa telah menyertai seminar mengenai isu semasa pemasaran di Labuan baru-baru ini. Ia diadakan di Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan.

Seramai 25 pelajar mewakili setiap kumpulan membentangkan kajian mereka mengenai isu semasa berkaitan dengan pemasaran, seperti 'Consumer Attitudes Toward Mobile Advertising', 'Mobile Wireless Technology' dan

'Consumer innovativeness and shopping styles'.

Di bawah kelolaan Profesor Madya Dr. Norazah Mohd. Suki selaku Pensyarah Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan, seminar ini antara lain bertujuan

memberi peluang kepada mahasiswa mendedahkan pengetahuan dalam isu semasa serta mendidik semangat kerja berpasukan antara mahasiswa. "Seminar ini turut membantu pelajar meningkatkan kemahiran berkomunikasi di samping meningkatkan ilmu pengetahuan mengenai isu semasa yang berlaku di pasaran antarabangsa. Ia memberi pendedahan kepada mahasiswa mengenai kaedah mengumpul data dan maklumat," kata Norazah.

Selain itu, seminar berkenaan juga meningkatkan kefahaman dan kualiti kajian akademik, khasnya buat pelajar yang mengikuti pengajian pemasaran.

Menurutnya, seminar seumpama ini boleh dijadikan saluran kepada pelajar menyatakan pandangan mereka berhubung isu semasa berlaku di pasaran antarabangsa di samping mengaplikasikan kaedah kajian bagi menempuhi alam pekerjaan masa akan datang.



TIMBA ILMU...Pelajar program Pemasaran Antarabangsa tahun akhir merakamkan kenangan bersama Dr. Norazah (sembilan dari kanan) di akhir seminar berkenaan.